



Tahap Tingkah Laku Inovatif Guru Gen 'Y' Sekolah Rendah di Kerian, Perak

Ramlan Alwi bin Mahmud, Ahmad Zabidi bin Abdul Razak*, Kenny Cheah Soon Lee
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
s2109588@siswa.um.edu.my, zabidi@um.edu.my, kennycheah@um.edu.my

Abstract: This study aims to examine the level of innovative behavior of Gen 'Y' teachers in a district within the state of Perak. This study is based on the Innovative Behavior Model by Janssen (2000). The study focuses on aspects of idea generation, promotion, and realization. The survey method, which uses a questionnaire as a measurement tool, was employed to collect data, involving a total of 310 teachers as study respondents. The findings show that the innovative behavior of Gen 'Y' teachers is at a moderate level. Gen 'Y' teachers should further enhance their innovative behavior to align with the development of 21st Century Education (PAK21). In conclusion, the findings of this study are new and provide guidance to stakeholders for improving the level of innovative behavior of Gen 'Y' teachers.

Keywords: *innovative teacher behavior, Gen 'Y', 21st Century Education (PAK21)*

Pendahuluan

Pembangunan bidang pendidikan di Malaysia menjadi semakin pesat kesan daripada matlamat untuk melahirkan modal insan yang mampu menerajui negara pada masa akan datang. Hasrat ini dizahirkan dalam pelan pembangunan pendidikan negara seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006–2010) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025). Namun dalam usaha tersebut, pembangunan guru iaitu pemain utama dalam proses pendidikan perlu dititikberatkan. Hal ini kerana, cabaran guru sebagai pendidik tidak hanya tertumpu kepada aspek pengajaran sahaja tetapi turut mencakupi usaha-usaha menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih kreatif dan inovatif. Malahan, tuntutan persekitaran pembelajaran abad ke-21 yang mula diadaptasi dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Tingkah laku inovatif amat diperlukan oleh guru dalam menggalas tugas mereka yang semakin mencabar dekad ini. Jeroen dan Deanne (2007) mentakrifkan tingkah laku inovatif sebagai multi dimensi, konstruk menyeluruh yang merangkumi semua tingkah laku di mana pekerja dapat menyumbang kepada proses inovasi. Manakala menurut Spreitzer dan Quinn (2001), tingkah laku inovatif guru adalah sesuatu yang mustahak dalam menguruskan sekolah secara efisien dan kreatif kerana organisasi memerlukan pengetahuan baru, idea, tenaga dan kreativiti untuk bersaing dengan persekitaran dinamik. Menurut Musa dan Jamil (2022) tingkah laku inovatif guru merujuk kepada kesanggupan, kebolehan, dan kecenderungan mereka untuk menjana dan melaksanakan idea, amalan dan pendekatan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran. Tingkah laku inovatif ini penting kepada guru untuk meningkatkan hasil pendidikan, menarik minat pelajar, dan menyesuaikan diri dengan perubahan pendidikan.

Tingkah laku inovatif didefinisikan sebagai aktiviti yang dilakukan oleh seseorang sepanjang proses inovasi (Messmann et al., 2010). Menurut Janssen (2000), tingkah laku inovatif merupakan perlakuan seseorang untuk melakukan sesuatu kreativiti dan inovasi yang melangkaui jangkaan termasuklah penerimaan, penghasilan dan pelaksanaan idea-idea baharu. Dalam konteks pendidikan, Messmann et al., (2010) menjelaskan bahawa tingkah laku inovatif merangkumi aktiviti luar dan dalam bilik darjah yang berkaitan dengan inovasi



iaitu penerokaan peluang, penjaan idea, promosi idea, dan merealisasikan idea. Tingkah laku inovatif boleh jadi kaedah pengajaran baharu, perubahan dalam proses kerja seorang guru dan pelajar, kolaborasi dalam kalangan guru ataupun tugas baharu guru (Mohd Asri & Mohd Khata, 2014).

Tingkah laku inovatif guru tidak hanya berlaku semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja tetapi merangkumi konteks yang luas iaitu juga di luar bilik darjah (Tuomi, 2007). Aktiviti-aktiviti tersebut adalah mengenalpasti idea-idea baru untuk menangani cabaran dan menghadapi masalah di sekolah sebagai fungsi utama. Interaksi dalam kalangan pelajar dan saling menyokong antara satu dengan yang lain sangat mempengaruhi dalam merealisasikan idea (Janssen et al., 2004).

Tingkah laku inovatif guru sebenarnya memberikan nilai tambah kepada diri guru untuk berdaya saing dalam merebut peluang memberikan pendidikan terbaik pada abad yang semakin mencabar ini (Thurling, Ever & Vermuelen, 2015). Dalam membangunkan tingkah laku ini, guru disarankan meneroka dan membudayakan inovasi dalam proses pengajaran mereka terutamanya dalam kalangan guru muda yang dijangka menjadi pelapis kepada guru-guru yang telah lama berada dalam perkhidmatan. Guru yang bertingkah laku inovatif dapat meningkatkan pencapaian murid.

Dalam bidang pendidikan, tingkah laku inovatif dalam kalangan guru amat penting dalam membentuk persekitaran pembelajaran yang dinamik dan berkesan. Guru yang menghasilkan inovasi baharu akan membawa kreativiti, kebolehsuaian dan semangat kepada metodologi pengajaran mereka, akhirnya meningkatkan pengalaman pembelajaran untuk pelajar dan memupuk budaya peningkatan berterusan dalam institusi pendidikan (Lukes & Stephan, 2017). Tingkah laku inovatif dalam kalangan guru memupuk persekitaran yang merangsang pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam diri pelajar. Guru melalui menggabungkan kaedah dan pendekatan pengajaran yang inovatif, pendidik boleh menyampaikan maklumat dalam cara yang menarik dan interaktif, menggalakkan pelajar berfikir (Granziera & Perera, 2019). Pendekatan ini memupuk kreativiti dan pengetahuan, memperkasakan pelajar untuk menganalisis, menyoal dan menggunakan konsep dalam senario dunia sebenar.

Terdapat pelbagai inovasi yang dihasilkan guru dapat membantu menaikkan lagi pencapaian murid di sekolah. Hal ini terbukti menerusi inovasi yang dilakukan oleh lima orang guru Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Pek di Machang, Kelantan, memperkenalkan buku kecil Master Vocab bagi meningkatkan pencapaian keputusan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-muridnya dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Hasilnya, menurut Guru Besar sekolah tersebut, En Mat Ghazali Setapa, peratus kelulusan meningkat kepada 52.2 peratus berbanding 35.8 peratus pada tahun 1998 manakala mereka yang gagal semua mata pelajaran menurun kepada 5 orang berbanding 28 orang empat tahun sebelumnya.

Selain itu, inovasi di dalam pedagogi yang dihasilkan guru di pedalaman juga telah turut membantu menaikkan kefahaman dan pencapaian murid. Projek inovasi kit Segitiga Awesome yang dihasilkan oleh guru di sekolah orang Asli di Selangor telah membantu murid untuk menguasai dengan lebih cepat operasi matematik dan juga membantu guru untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap penaakulan matematik ketika di dalam kelas (Utusan Malaysia, 2023).

Selain itu, tahap inovatif guru ditonjolkan dengan lebih baik lagi ketika pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR). Guru menunjukkan penggunaan portal pendidikan *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA). DELIMA yang menjadi platform pendidikan digital. Melalui pelantar pembelajaran digital seperti DELIMA, guru perlu



menjadi lebih inovatif dan berfikiran kreatif dengan memanfaatkan sumber media yang ada supaya pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan (Adnan dan Husnin, 2024).

Kajian oleh (Lai dan Rosli, 2021) terhadap pembelajaran Bahasa Melayu Tahun 6 ketika PdPR mendapati bahawa lebih 90% dari keseluruhan murid menyatakan keberkesanan video pembelajaran Bahasa Melayu tahun 6 adalah berkesan semasa menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Tingkah laku inovatif guru dengan menyediakan video pembelajaran yang menarik telah membantu murid-murid untuk belajar dan memahami topik pembelajaran dengan berkesan biarpun hanya belajar dari rumah.

Menurut Cennamo & Gardner (2008), terdapat tiga peringkat kumpulan usia yang sekarang sedang berada di dalam pasaran pekerjaan iaitu Baby Boomers (lahir pada 1946–1961), Generasi ‘X’ (Gen ‘X’) (lahir pada 1962–1979) dan Generasi ‘Y’ (Gen ‘Y’) (lahir pada 1980-2000). Ketiga-tiga kelompok generasi ini mempunyai kriteria dan perlakuan yang agak berbeza disebabkan pengaruh persekitaran zaman mereka dilahirkan. Gen ‘Y’ yang kini menjadi golongan guru muda di sekolah dilihat sebagai generasi yang celik huruf, mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, bersedia untuk bekerja dalam kemajmukan dan sentiasa berhubung dengan dunia digital tanpa sempadan.

Golongan ini dikatakan mempunyai pemikiran yang kreatif, mesra teknologi dan mempunyai banyak idea yang menyumbang ke arah inovasi dalam sesuatu bidang tugas. Perlakuan Gen ‘Y’ sering dibandingkan dengan generasi sebelumnya yang dirujuk sebagai Baby Boomers dan Gen ‘X’. Guru Gen ‘Y’ merupakan satu kumpulan guru yang baru menceburi bidang pendidikan. Salleh et al., (2007) menyatakan urusan belajar untuk mengajar adalah sesuatu yang kompleks bagi guru permulaan dan mungkin merupakan proses yang mengambil masa yang lama.

Tingkah laku inovatif guru tidak terhasil dengan sendiri tetapi dipengaruhi oleh faktor lain seperti faktor gaya kepimpinan pemimpin (Jeroen & Deanne, 2007). Menurut kajian oleh Jeroen dan Deanne (2007) pula menyatakan bahawa kepimpinan ketua yang menyokong kepada perkembangan idea dan pengaplikasian teknologi baru mempengaruhi tingkah laku inovatif pekerja.

Tuntutan mengaplikasi teknologi secara berkesan dan bermakna di dalam bilik darjah telah menyebabkan kesediaan guru menjadi semakin penting seiring dengan peningkatan cabaran dalam menggunakan teknologi sebagai satu alternatif pengintegrasian kemahiran abad ke-21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Siti Faizzatul & Ramli, 2011). Justeru itu, tingkah laku inovasi guru dilihat sangat penting bagi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran abad ke 21.

Memandangkan generasi Baby Boomers semakin berkurangan dan akan berpcen, jadi organisasi amat memerlukan Gen ‘Y’ untuk meneruskan perjuangan dalam mencapai matlamat organisasi (Behrstock & Clifford, 2009). Generasi guru sekarang terdiri daripada pelbagai generasi termasuklah Gen ‘Y’ di mana generasi ini telah menghampiri 62% pada tahun 2009 dan Gen ‘Y’ ini juga akan menerajui hala tuju sesebuah negara pada masa hadapan (PricewaterhouseCoopers Malaysia, 2009). Maka, kajian ini dilaksanakan terhadap guru Gen ‘Y’ kerana diyakini generasi ini yang akan menerajui dan menguasai dunia pekerjaan termasuk dunia pendidikan pada masa akan datang.

Di dalam bidang pendidikan, inovasi adalah satu perubahan yang signifikan dan penambahbaikan persekitaran pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian murid. Guru yang inovatif akan mempunyai idea dan mempunyai cara bagaimana untuk memotivasikan murid untuk menguasai subjek. Guru yang berinovasi mempunyai kebolehan untuk melengkapkan murid dengan kemahiran alaf baru seperti keupayaan berfikir secara bijaksana, menyelesaikan masalah dan daya kreativiti yang tinggi (Faisal, 2013). Tingkah laku inovatif dapat dipertimbangkan sebagai cara berfikir dan berperilaku yang mewujudkan dan



membangunkan nilai-nilai dan sikap dalam sebuah organisasi, yang boleh menggalakkan idea dan perubahan baru, memulakan penerimaan dan meningkatkan sokongan, walaupun perubahan tersebut mungkin bermakna konflik dengan tingkah laku konvensional dan tradisional (Alper, 2012).

Seseorang guru yang ingin mengimplementasikan idea berkaitan inovasi perlulah menerangkan pelan dan idea baharu kepada rakan sekerja untuk mendapatkan lagi pelbagai input yang berguna, memohon bantuan dari pentadbir, mendapatkan maklumat dari pelbagai pihak termasuk dari sekolah berlainan dan mendapatkan sumber dan bahan sokongan dari pengurusan sekolah (Anurupa dan Debdulal, 2016). Guru juga perlulah membuktikan bahawa idea yang dikemukakan mempunyai hasil inovasi yang konstruktif.

Azra et al (2014), penjanaan idea merujuk kepada pengolahan idea baru untuk sebarang isu yang timbul, meneroka cara dan teknik baharu dan menjana penyelesaian untuk sebarang masalah di dalam organisasi. Selain itu, penjanaan idea ini melibatkan penerokaan peluang untuk menjalankan inovasi berdasarkan masalah yang dihadapi yang akan menjanakan idea untuk melakukan inovasi.

Seterusnya, idea yang telah dijana berdasarkan masalah yang dihadapi akan diketengahkan kepada ahli di dalam organisasi. Menurut (Galbraith, 1982; Kanter, 1983, 1988) seperti yang dinyatakan oleh Janssen (2000), apabila pekerja mengimplementasikan idea, mereka perlu berhubung dengan persekitaran sosial mereka seperti rakan, penaja dan majikan untuk menyokong idea mereka di samping memberikan bantuan yang diperlukan untuk merealisasikan idea yang mereka bina. Selain itu, menurut Azra et al., (2014) mempromosikan idea merujuk kepada mendapatkan sokongan untuk idea inovatif, memperoleh kelulusan untuk idea inovatif dan membuat organisasi bersemangat untuk merealisasikan idea inovatif. Masalah yang dihadapi pada awal penjanaan idea tersebut akan cuba diselesaikan. Idea baharu tersebut akan dilihat sebagai sebuah inovasi dan dinilai kemampuannya dalam menyelesaikan masalah dan membangunkan organisasi.

Banyak kajian mengenai tingkah laku inovatif pekerja dijalankan dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan. Namun, sangat sedikit kajian dijalankan oleh pengkaji untuk melihat tingkah laku inovatif dalam kalangan guru Gen 'Y'. Hal ini penting kerana guru Gen 'Y' menyertai profesion keguruan saban tahun dan kajian lanjut diperlukan untuk memahami tingkah laku inovatif guru Gen 'Y' di sekolah dan apakah gaya kepimpinan dan faktor pendorong yang diperlukan mereka.

Melalui penjanaan idea inovatif yang melibatkan teknologi maklumat, walaupun sekolah tersebut mempunyai kemudahan yang sangat terhad seperti di luar bandar atau pedalaman, namun berdasarkan hubungan yang baik antara guru dan pentadbir, maka halangan yang ada itu akan dapat diatasi oleh guru tanpa rungutan ataupun menyalahkan pihak pentadbir. Ketulenan dan keaslian dalam perhubungan yang diamalkan oleh pentadbir merupakan salah satu dimensi di dalam kepimpinan autentik yang patut diamalkan oleh pentadbir sekolah.

Hubungan yang positif ini akan memangkin kepada proses penjanaan idea untuk menghasilkan sesuatu inovasi di dalam kelas. Perkara ini dijelaskan oleh Smith (2002); De Jong dan Den Hartog (2007) yang menunjukkan pentingnya penjanaan idea ini berlaku dalam kalangan ahli sesebuah organisasi bagi melahirkan sesuatu produk, perkhidmatan dan juga dalam proses-proses kerja sentiasa ditambah baik agar kualiti dapat ditingkatkan. Maka, proses penjanaan idea ini merupakan satu peringkat yang penting. Sokongan padu daripada pemimpin sesebuah organisasi sangat penting dalam menjayakan inovasi di dalam organisasi.

Hal ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Fu et al., (2011) yang menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai keupayaan yang tinggi dalam menjana, mempromosi dan merealisasikan aktiviti-aktiviti berkaitan kreativiti dan inovasi dalam tugas



mereka akan dapat mengamalkannya dengan lebih berkesan sekiranya memperoleh sokongan yang padu daripada organisasi. Hal ini turut disokong oleh dapatan Cummings dan Worley (2008) yang menyebut bahawa inovasi yang berlaku dalam sesebuah organisasi dipengaruhi oleh dua elemen utama iaitu sistem dan budaya dalam organisasi tersebut serta tingkah laku pekerja dalam organisasi itu sendiri. Dalam konteks sekolah, pentadbir hendaklah membantu dan bersama dengan guru-guru terutamanya guru Gen 'Y' dalam menjana perubahan melalui penjana inovasi di dalam kelas. Hal ini disokong oleh kajian Hasanali (2002); De Jong dan Den Hartog (2007) bahawa ketua mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mencetuskan aktiviti inovasi pekerja.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dan kuantitatif. Kaedah tinjauan menerangkan kajian yang menyeluruh mengenai sesuatu isu atau masalah, kutipan data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat dipungut secara terus daripada responden dalam masa yang singkat dan dapat membuat kenyataan umum berkenaan sesuatu populasi kajian (Chua, 2006).

Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini adalah kerana data dapat dikumpulkan daripada responden yang menyentuh persoalan nilai dan meliputi populasi kajian yang luas. Soal selidik sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan fakta fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya (Mohd Majid Konting, 2004). Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian adalah bersifat logik, saintifik dan khusus (Babbie, 2004). Kajian tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data dapat menerangkan ciri-ciri populasi tertentu dengan pengumpulan data dalam sampel yang besar (Gay, Mills & Airasian, 2009).

Kajian ini melibatkan guru Gen 'Y' yang berumur sehingga 44 tahun dan sedang berkhidmat di sekolah rendah dalam negeri Perak. Populasi kajian ini ditumpukan kepada guruguru Gen 'Y' di dalam sebuah daerah di negeri Perak. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan kerana mengkhususkan kepada guru-guru Gen 'Y' yang bertugas di sekolah rendah di sebuah daerah di dalam negeri Perak.

Kaedah persampelan bertujuan dipilih kerana mempunyai responden yang khusus dan tertentu. Pengkaji memastikan bahawa sampel yang dipilih adalah memenuhi syarat iaitu hanya guru-guru yang berumur 44 tahun ke bawah, sedang berkhidmat di sekolah rendah di sebuah daerah di dalam negeri Perak. Kebanyakan guru yang dipilih selalunya mempunyai 10 tahun pengalaman ke bawah. Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 310 orang guru Gen 'Y'. Pemilihan guru menggunakan teknik persampelan rawak mudah berdasarkan kaedah jadual Nombor Rawak yang mana ia berpandukan senarai nama guru Gen 'Y' yang disediakan oleh pihak Jabatan Pendidikan.

Bahagian ini terdiri daripada item-item untuk mengukur tiga dimensi tingkah laku inovatif guru iaitu generalisasi, promosi dan realisasi. Soal selidik tersebut menggunakan skala likert lima iaitu (1=sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= agak setuju, 4= setuju dan 5=sangat setuju). Kesemua item dalam bahagian ini adalah item positif. Item-item dalam bahagian ini diambil daripada kajian Janssen (2000).

Hasil dan Pembahasan

Hasil

Berdasarkan data yang diperoleh didapati bahawa sejumlah 106 orang atau 34.2% yang terlibat dalam kajian ini lelaki dan sejumlah 204 orang atau 65.8% adalah perempuan. Ini



menunjukkan bahawa jantina perempuan adalah lebih tinggi daripada jantina lelaki. Dapatan jumlah responden berdasarkan jantina adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	106	34.2
Perempuan	204	65.8
Jumlah	310	100

Berdasarkan data yang diperoleh, responden berumur 25 hingga 30 tahun seramai 177 orang atau 57.1%. Bagi responden yang berumur melebihi 30 tahun adalah 133 orang atau 42.9%. Responden berumur antara 25 hingga 30 tahun mencatatkan bilangan yang paling tinggi. Taburan umur para responden adalah seperti berikut:

Jadual 4.2: Bilangan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
25-30 tahun	177	57.1
>30 tahun	133	42.9
Jumlah	310	100

Berdasarkan data yang diperoleh didapati bahawa sejumlah 97 orang atau 31.3% yang terlibat dalam kajian ini adalah lokasi bandar dan sejumlah 213 orang atau 68.7% adalah lokasi luar bandar. Ini menunjukkan responden lokasi luar bandar mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala lokasi bandar mencatatkan bilangan yang paling rendah. Taburan lokasi para responden adalah seperti Jadual berikut:

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Lokasi

Lokasi	Kekerapan	Peratus
Bandar	97	31.3
Luar Bandar	213	68.7
Jumlah	310	100

Berdasarkan data yang diperoleh terdapat 117 orang atau 37.7% mengajar kurang dari 5 tahun. Ini diikuti dengan responden yang mengajar antara 5 hingga 10 tahun sebanyak 128 orang atau 41.3%. Seterusnya, responden yang mengajar lebih daripada 10 tahun adalah seramai 65 orang atau 21%. Ini menunjukkan responden yang mengajar antara 5 hingga 10 tahun mencatatkan bilangan yang paling tinggi manakala mengajar lebih dari 10 tahun mencatatkan bilangan yang paling rendah. Taburan pengalaman mengajar para responden adalah seperti berikut:

Jadual 4.5: Bilangan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Kekerapan	Peratus
<5 tahun	117	37.7
5-10 tahun	128	41.3
>10 tahun	65	21



Jumlah	310	100
--------	-----	-----

Bagi melihat tahap tingkah laku inovatif para guru Gen 'Y' ini, pengkaji membahagikannya kepada tiga dimensi iaitu penjanaan idea, promosi dan realisasi. Keputusan analisis menunjukkan skor min bagi promosi ialah (min=3.72, sp=0.77) dan realisasi (min=3.57, sp=0.82). Skor min penjanaan idea pula ialah iaitu (min= 3.76, sp=0.74). Hal ini menunjukkan bahawa tahap keseluruhan tingkah laku inovatif guru Gen 'Y' yang dikaji berada pada tahap sederhana. Jadual 4.1 menunjukkan dapatan tahap tingkah laku inovatif guru Gen 'Y'.

Jadual 4.1: Dapatan Analisis Deskriptif Dimensi Psikologikal Guru Gen 'Y'

	Min	Sisihan piawai(sp)	Tahap
Penjanaan Idea	3.76	0.74	Tinggi
Promosi	3.72	0.77	Tinggi
Realisasi	3.57	0.82	Sederhana
Tahap Keseluruhan	3.66	0.63	Sederhana

Pembahasan

Menurut dapatan kajian ini, tahap tingkah laku inovasi guru Gen 'Y' telah mencapai tahap tinggi dimana dimensi penjanaan dan promosi idea telah mencapai tahap tinggi. Namun, dimensi realisasi masih lagi mencatat tahap sederhana. Guru Gen 'Y' dilihat masih lagi kurang untuk mengubah idea inovasi mereka menjadi aplikasi berguna dan boleh digunakan di sekolah secara sistematik. Selain itu, sebagai guru baharu, guru Gen 'Y' mungkin tidak arif lagi tentang prosedur dan persekitaran kerja yang sesuai untuk memperkenalkan idea inovasi mereka. Namun, masalah tersebut bukanlah halangan kepada guru Gen 'Y' dalam meningkatkan tingkah laku inovasi mereka.

Masalah ini dapat diatasi dengan adanya kursus untuk meningkatkan tahap kemahiran para guru. Kursus ini dapat meningkatkan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seterusnya menghasilkan inovasi yang sesuai digunakan di dalam kelas dan membantu menjayakan hasrat kerajaan untuk merealisasikan pembelajaran abad ke 21. Selain itu, pentadbir sekolah juga perlu turut serta dalam "*in house training*" yang dibuat oleh guru-guru di samping menjana idea yang kreatif dalam proses pembelajaran dan pemudahcara (PdPC) di dalam kelas. Dengan adanya sesi interaksi, maka guru Gen 'Y' akan lebih bersedia dan yakin untuk menghasilkan inovasi yang memberikan kelebihan bukan sahaja kepada mereka namun kepada komuniti sekolah.

Tambahan pula, inovasi dalam amalan pengajaran membolehkan pengalaman pembelajaran yang pelbagai. Setiap pelajar mempunyai kekuatan, kelemahan, dan gaya pembelajaran yang unik. Guru yang bereksperimen dengan strategi, teknologi dan teknik pedagogi baharu boleh menyesuaikan pengajaran mereka agar lebih sesuai dengan gaya pembelajaran dan pilihan pelajar mereka, akhirnya meningkatkan hasil pembelajaran (Oplatka,2016). Guru yang inovatif mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan pendekatan mereka untuk memenuhi perbezaan individu melalui penggunaan teknologi untuk menyediakan rancangan pembelajaran yang sesuai atau melaksanakan teknik pengajaran yang pelbagai, seperti pembelajaran berasaskan projek atau bilik darjah terbalik, inovasi memastikan setiap pelajar menerima perjalanan pembelajaran yang disesuaikan dan berkesan.



Guru juga hendaklah berusaha melakukan inovasi di dalam proses pedagogi sesuai dengan kebolehan dan kepelbagai murid di dalam kelas.

Tugasan di sekolah yang dijalankan akan ditambah dengan input dan idea-idea baharu yang dapat meningkatkan lagi pencapaian murid dan menaikkan nama baik sekolah. Guru Gen 'Y' bukan sahaja menjana idea baru, sebaliknya mempromosi dan merealisasikan idea tersebut dan menghasilkan perubahan yang berguna kepada sekolah. Kejayaan guru Gen 'Y' melakukan perubahan akan memberikan impak kepada pencapaian murid dan sekolah.

Simpulan

Penerapan tingkah laku inovatif dalam kalangan guru Gen 'Y' juga perlulah bermula sejak dari latihan keguruan lagi. Di sini, dapat dilihat peranan Institut Pendidikan Guru (IPGM) dan universiti tempatan untuk menyediakan kurikulum yang lebih menumpukan inovasi dalam pengajaran. Guru-guru perlu diberikan penekanan bahawa mereka perlulah menjadi seorang guru yang inovatif dengan penghasilan bahan-bahan inovasi terbaru yang sangatlah dituntut dewasa ini seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjayakan Pembelajaran Abad ke 21.

Daftar Rujukan

- Adnan, Z., & Husnin, H. (2024). Cabaran guru mengaplikasikan pembelajaran digital melalui pelantar digital educational learning initiative malaysia (delima) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc):[the challenges of teachers in implementing digital learning through the digital learning initiative malaysia (delima) platform in teaching and facilitation]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 4(1), 27-41.
- Alper Ertürk (2012). Linking psychological empowerment to innovation capability: investigating the moderating effect of supervisory trust. *International Journal of Business and Social Science*. Vol. 3 No. 14 [Special Issue – July 2012]
- Anurupa Kundu & Debdulal Dutta Roy (2016). School climate perception and innovative work behaviour of school teachers, *International Journal and Psychological Research (IJEPR)*. Volume 5, Issue 2, June 2016
- Azra Ayue Abdul Rahman, Siti Aisyah Panatik dan Rose Alinda Alias (2014). *The influence of psychological empowerment on innovative work behavior among academia in Malaysian research universities*. DOI: 10.7763/IPEDR. 2014. V 78. 21, pg: 108 – 112
- Babbie, E. (2004). *The Practice of Social Research*. Belmont CA, Wadsworth.
- Behrstock, J., Druţu, C., & Mosher, L. (2009). Thick metric spaces, relative hyperbolicity, and quasi-isometric rigidity. *Mathematische Annalen*, 344, 543-595.
- Cennamo, L. and Gardner, D. (2008), “Generational differences in work values, outcomes and person-organisation values fit”, *Journal of Managerial Psychology*, Vol. 23 No. 8, pp. 891-906.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Cummings, T. G. (2008). *Handbook of organization development*. Sage.
- De Jong, J. & Den Hartog, D. 2010. Measuring innovative work behaviour. *Creativity and Innovation Management* 19(1): 23–36.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid (2013). *Guru pencetus kretiviti dan penjana*



inovasi.

Diambil

daripada

https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00006434_106608.pdf

- Fu, X., & Gong, Y. (2011). Indigenous and foreign innovation efforts and drivers of technological upgrading: evidence from China. *World development*, 39(7), 1213-1225.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2009). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (9th edition). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall
- Galbraith, J. R. (1982). Designing the innovating organization. *Organizational Dynamics*, 10,5–25.
- Granziera, H., & Perera, H. N. (2019). Relations among teachers' self-efficacy beliefs, engagement, and work satisfaction: A social cognitive view. *Contemporary Educational Psychology*, 58, 75-84.
- Hasanali, F. (2002). Critical success factors of knowledge management.
- Jeroen P.J. de Jong, Deanne N. Den Hartog, (2007) "How leaders influence employees' innovative behaviour", *European Journal of Innovation Management*, Vol. 10 Issue: 1, pp.41-64, doi: 10.1108/14601060710720546
- Janssen, O. (2000). Job demands, perceptions of effort-reward fairness and innovative work behaviour. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 73: 287–302.
- Kanter, R. (1983). *The change masters*. New York: Simon & Schuster.
- Kanter, R. (1988). When a thousand owens bloom: Structural, collective, and social conditions for innovation in organizations. In B. M. Staw & L. L. Cummings (Eds.), *Research in organizational behavior* (Vol. 10, pp. 169–211). Greenwich, CT: JAI Press.
- Lai, Z. S. Z., & Rosli, A. N. (2021). Keberkesanan Penggunaan Video Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun 6 Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): The Effectiveness of the Use of Malay Language Learning Videos Among Year 6 Students During Home-Based Learning. *Journal of ICT in Education*, 8(3), 76-99.
- Lukes, M., & Stephan, U. (2017). Measuring employee innovation: A review of existing scales and the development of the innovative behavior and innovation support inventories across cultures. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 23(1), 136-158.
- Musa, M., & Jamil, H. (2023). hubungan kepemimpinan distributif pemimpin terhadap tingkah laku inovatif guru di sekolah menengah, Pulau Pinang. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 29-40.
- Messmann, G., Mulder, R.H., & Gruber, H. (2010). Relations between vocational teachers' characteristics of professionalism and their innovative work behavior. *Emperical Research in Vocational Education and Training*. 2(1), pp 21-40.
- Mohd. Asri bin Ispal & Mohd Khata bin Jabor (2014). *Pengaruh kompetensi keusahawanan terhadap tingkahlaku inovatif*. 1 st International Education Postgraduate Seminar/ieps2014
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oplatka, I. (2016). Teachers' innovative behavior: Its characteristics and conditions. *Journal of Educational Administration*, 54(2), 138-157.
- Pricewaterhouse Cooper. (2009). Malaysia Gen-Y unplugged. Diambil daripada Malaysia's <http://www.geniustribes.com/resources/gen-yMal.pdf>



- Salleh Abd. Rashid, Mohd. Yusof Abdullah, Raja Ismail Raja Lope Ahmad & Mohammed Sani Ibrahim (2007). Mentoran dan perkembangan kerjaya guru novis. Dalam Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim (Eds.), *Profesionalisme guru novis* (ms 103-123). Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Shapira-Lishchinsky and Sigalit Tsemach (2014). Psychological Empowerment as a Mediator Between Teachers' Perceptions of Authentic Leadership and Their Withdrawal and Citizenship Behaviors. *Educational Administration Quarterly* 2014, Vol. 50(4) 675–712.
- Siti Faizzatul Aqmal Binti Mohamad Mohsin & Razali Bin Hassan (2011). Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan 'Streaming Video' bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar Abad ke-21. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional*: Universiti Tun Hussein Onn
- Spreitzer, G. M. (2021). Quinn, Robert E.: The paradoxical mind that inspires positive change. In *the Palgrave Handbook of Organizational Change Thinkers* (pp. 1417-1435). Cham: Springer International Publishing.
- Thurlings, M., Evers, A. T., & Vermeulen, M. (2014). Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior a Literature Review. *Review of Educational Research*.
- Tuomi, I. (2007). Learning in the age of networked intelligence. *European Journal of Education*, 42(2), 235–254.
- Utusan Malaysia (2023). Diambil daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/kit-segitiga-awesome-johan-inovasi-guru-karnival-pendidikan-murid-orang-asli/>